

03/05/2004

Israel boleh aman jika hormati hak orang lain

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diwawancara oleh wartawan Guy Sharett dari stesen televisyen Israel Channel 10, di Kuala Lumpur pada 6 April lalu. Berikut adalah sedutan wawancara itu.

SOALAN (S): Terima kasih kerana sudi menemui kami. Sebelum ini, anda tidak pernah bercakap dengan media dari Israel pada temu ramah seperti ini. Apa yang menyebabkan anda bersetuju diwawancara kali ini?

DR MAHATHIR (Dr M): Saya menemui wartawan dari Israel dalam banyak sidang media pada persidangan utama. Inilah kali pertama saya bercakap dengan seorang wartawan Israel pada wawancara khas, kerana saya berasa berhak memberi penjelasan kepada dunia dan rakyat Israel kerana saya mendapati saya sering disalah anggap, dilabel sebagai anti-Yahudi, anti-Israel dan sebagainya. Jadi, saya menganggap ini kesempatan bagi saya melakukan beberapa pembedahan.

S: Anda adalah pemimpin sebuah negara Asia Tenggara yang hampir tidak mempunyai bangsa Yahudi. Dulu kelompok kecil bangsa itu ada di Pulau Pinang tetapi kini tidak lagi. Mengapa anda amat berminat dengan bangsa Yahudi dan banyak bercakap mengenainya?

Dr M: Kami bukan berminat sangat dengan orang Yahudi. Sebaliknya, kami prihatin dengan nasib rakyat Palestin dan keadaan negara mereka. Rakyatnya diusir dari negara sendiri dan bagi kami, ini bukan soal agama di antara Yahudi dan Islam. Ia adalah isu perebutan wilayah. Anda merampas negara orang dan mereka mahukannya kembali. Sudah tentu mereka kalah dalam usaha itu kerana Israel mendapat sokongan Eropah dan Amerika.

S: Siapa orang Yahudi pertama yang anda temui?

Dr M: Yahya Cohen yang sama-sama belajar dengan saya di Singapura. Ramai yang saya temui, Lord (Arnold) Weinstock, orang Yahudi berbangsa Inggeris yang pernah menerajui syarikat besar di England (Pengarah Urusan GEC). Saya mengenali agak ramai orang Yahudi dan ada antaranya di England dan kami berkawan baik.

S: Ada di kalangan mereka yang marah mendengar kenyataan anda mengenai bangsa Yahudi? Bagaimana reaksi mereka?

Dr M: Mereka mempertahankan pendirian saya dan menegaskan saya bukan anti-Yahudi. Itulah sebabnya reaksi masyarakat Yahudi termasuk ahli Dewan Rakyat dan Dewan Petuanan lebih sederhana berbanding reaksi masyarakat Yahudi di tempat lain.

S: Adakah tindakan menidakkan Yahudi dianggap boleh menyatukan negara Islam? Kelihatannya OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) lebih banyak memberi tumpuan kepada Israel dan bangsa Yahudi, bukannya isu hak asasi manusia di Syria, Mesir, kebebasan media dan sebagainya. Adakah konspirasi Yahudi memberi jawapan terhadap segala yang tidak kena dengan Islam?

Dr M: Tidak, ia tidak memberi jawapan segera. Sudah tentu kami prihatin mengenai hak asasi manusia di mana saja tetapi secara perbandingan, nasib rakyat Palestin yang ditentukan Israel adalah sesuatu yang keterlaluan dan serius serta memerlukan perhatian. Kami tidak begitu serius mengenai Syria atau kebebasan media kerana kami tidak percaya kebebasan media wujud. Ia hanya sesuatu yang kerap diperkatakan tetapi tidak wujud. Kami tidak begitu kisah mengenainya tetapi kami mengambil berat mengenai nasib rakyat Palestin, Chechen dan masyarakat Islam lain yang ditindas, bukan saja terhadap Israel tetapi juga pengeboman di Sudan dan Libya, sekatan terhadap Iraq. Kami mengambil berat mengenai semua ini.

S: Adakah anda melihatnya daripada pandangan satu pihak lain? Adakah

anda faham keadaannya apabila Israel menangkap militan Hamas sebelum mereka melancarkan serangan keganasan?

Dr M: Ya, jika ia adalah sesuatu yang anda tahu akan berlaku dan tindakan perlu diambil untuk menangkap mereka. Kami melakukan perkara yang sama di negara ini dan peruntukan itu termaktub dalam undang-undang... kami ada undang-undang yang membolehkan jenayah dihalang daripada berlaku.

S: Sebelum ini anda mengutuk pengebom berani mati, pengebom berani mati Palestin dan anda dibidas selepas itu.

Dr M: Ya, saya tidak fikir ia menyelesaikan sebarang masalah. Ia adalah soal dendam. Anda bunuh rakyat saya, saya akan bunuh rakyat awak dan oleh sebab rakyat anda terbunuh, anda bunuh rakyat saya. Perkara itu akan berterusan dan pada Persidangan OIC lalu saya katakan, itu tidak menyelesaikan masalah, tidak mencapai sebarang matlamat. Adalah lebih baik jika mereka duduk dan berfikir. Saya mengambil contoh sejarah Yahudi selama 2,000 tahun di Eropah yang mana walaupun bangsa itu dibunuh beramai-ramai, anda tidak bertindak balas dengan cara sama. Anda mencari jalan mengatasinya. Ia mengambil masa tetapi kesudahannya anda berjaya.

S: Anda mengiktiraf 'holocaust' ketika Perang Dunia Kedua tetapi (filem) Schindler's List tidak dibenarkan ditayangkan di Malaysia?

Dr M : Itu kerana ia berat sebelah, ia hanya menunjukkan satu bahagian daripada apa yang berlaku. Sudah tentu saya tidak percaya apa yang dilakukan oleh Hitler adalah betul. Kami mengutuknya. Dulu saya simpati dengan nasib yang menimpa bangsa Yahudi tetapi anda tidak boleh menggunakannya sebagai alasan untuk menyerang orang lain atau membunuh atau orang lain tidak boleh mengkritik Israel hanya kerana Holocaust pernah berlaku.

S: Apabila anda bercakap mengenai orang Yahudi, bolehkah anda menjelaskan maksudnya. Adakah anda merujuk Yahudi sebagai kumpulan etnik, penganut ajaran Yahudi, rakyat Israel atau adakah sukar untuk menganggap kumpulan ini sebagai mereka yang memiliki persamaan dengan Yahudi dari Mexico, Yahudi ortodoks dari New York, Yahudi sekular dari Tel Aviv? Apakah mereka sama?

Dr M : Apabila kita memperkatakan soal Yahudi, secara dasarnya kita merujuk kepada mereka yang taksu menyokong sayap kiri Israel. Bukan semua Yahudi kerana kita tahu ada orang Yahudi yang tinggal di negara Islam, termasuk di Iran dan mereka ini tidak menyokong kekejaman Israel, sekurang-kurangnya bukan secara terbuka. Sebelum ini wujud pembahagian di antara Zionis dan Yahudi dan kami masih yakin pembahagian itu mempunyai kaitan. Ada Yahudi yang mempunyai semangat kebangsaan melampau dan hanya memikirkan kepentingan Israel tetapi ada juga bangsa Yahudi di England yang amat rasional.

S: Mengapa anda bercakap mengenai bangsa Yahudi dan bukan mengutuk Israel sebagai sebuah negara?

Dr M : Kami pernah mengutuk Israel sebagai negara tetapi hakikatnya ramai bangsa Yahudi yang tinggal di Amerika menyokong penuh Israel tanpa mempedulikan apa yang dilakukan oleh Israel.

S: Adakah wujud konspirasi Yahudi?

Dr M: Ia bukan dalam bentuk yang mana kami akan menyalahkan segala yang tidak kena dalam dunia Islam adalah berpunca daripada konspirasi Yahudi. Bagaimanapun, memang ada sebilangan orang Yahudi tetapi tidak ramai, yang mempunyai kaedah mengarahkan sekumpulan orang Yahudi bagi menjadikan mereka golongan berpengaruh besar di dunia ini.

S: Isu kaum dianggap amat sensitif di Malaysia. Anda mempunyai kaum Melayu, Cina dan India dan anda perlu mengekalkan keharmonian kaum yang kerap diperkatakan. Tidakkah anda rasa dengan membidas satu kumpulan seperti Yahudi dan bercakap mengenai mereka seperti contohnya "mereka amat angkuh hingga menentang seluruh dunia", anda sebenarnya menjejaskan

keharmonian sosial di dunia?

Dr M: Sebelum ini mereka tidak begitu. Orang Yahudi pernah tinggal di negara Islam. Malah, mengikut sejarah, setiap kali berlaku pembunuhan kaum di Eropah, orang Yahudi lebih gemar berhijrah ke negara Islam. Itulah sebabnya mengapa pernah ada satu juta bangsa Yahudi di Maghribi dan bahagian lain yang diperintah oleh Ottoman Turki sebagai contoh. Jadi saya bukannya mengutuk orang Yahudi sepanjang masa. Bagaimanakah, dengan apa yang anda lakukan sekarang, adalah sukar bagi kami untuk tidak mengaitkannya dengan sikap sebagai orang Yahudi dan sebab itulah kini kami memberi tumpuan kepada Yahudi tetapi ia tidak membabitkan semua orang Yahudi.

S: Adakah anda ingin memohon maaf atau membuat penjelasan kepada bangsa Yahudi yang tersinggung dengan kenyataan anda sebelum ini?

Dr M: Saya mengatakan apa yang patut saya katakan dan saya membuat kenyataan sama mengenai orang Islam. Bagaimanapun, dalam ucapan saya pada persidangan OIC, bangsa Yahudi tidak menghiraukan kenyataan saya yang mengutuk keganasan dan meminta umat Islam menghentikannya. Ia langsung tidak dipedulikan. Tumpuan hanya diberi kepada apa yang saya katakan mengenai bangsa Yahudi menguasai dunia secara tidak langsung.

S: Pernahkah anda menemui mendiang Perdana Menteri Israel, Yitzhak Rabin, dan boleh anda ceritakan sedikit mengenai surat kirimannya?

Dr M: Ya, saya menemui (Yitzhak) Rabin ketika di Paris. Saya berbual-bual dengannya. Saya mempunyai harapan tinggi... beliau mengutus surat kepada saya dan saya juga menghantar surat kepada beliau dan saya pernah menulis kepada Perdana Menteri berbangsa Yahudi yang lain. Saya rasa Rabin ikhlas mahu menamatkan konflik Israel-Palestin. Malangnya beliau dibunuh. Saya menulis surat cuba membantu proses perdamaian. Anda tahu, ketika Rabin masih berkuasa, kami membawa masuk kanak-kanak bangsa Yahudi ke Malaysia untuk menunjukkan umat Islam bukannya jahat. Sudah tentu pengalaman mereka dengan rakyat Palestin memberi gambaran bahawa orang itu (umat Islam Palestin) akan membunuh kanak-kanak. Bagaimanapun, mereka datang ke sini dan bercampur dengan kanak-kanak tempatan dan mereka dapati kami sama dengan orang lain. Saya turut membenarkan pasukan kriket Israel datang bermain di sini walaupun menghadapi risiko dikritik kerana berbaik-baik dengan bangsa Yahudi. Saya menganggapnya sebagai satu langkah menunjukkan apabila kita melakukan sesuatu yang positif, ia harus dihargai.

S: Amman dan Kaherah, dua negara yang pernah berperang dengan Israel dan kini mempunyai perjanjian damai, mempunyai kedutaan Israel tetapi Kuala Lumpur tidak mempunyai wakil dari Israel?

Dr M: Banyak negara Islam yang tidak mempunyai wakil diplomatik Israel. Ketika ini, umat Islam secara dasarnya berasa mereka tidak boleh mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel berikutan apa yang sedang berlaku. Saya ingin tegaskan bahawa apa yang berlaku sekarang menjejaskan kami. Konflik ini tercetus sejak Israel dibentuk dan ia semakin memuncak. Seperti yang saya katakan tadi, setiap kali bangsa Yahudi ditindas oleh orang Eropah, mereka akan pergi ke negara Islam. Mereka hanya pergi ke Amerika selepas Amerika dibentuk dan menerima bangsa Yahudi. Sebelum itu ke mana mereka pergi? Maghribi, Algeria, bahagian yang diperintah Ottoman Turki dan Palestin. Ketika itu mereka tidak menentang umat Islam tetapi British.

S: Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik (dengan Israel) tetapi mengikut Kementerian Perniagaan dan Perdagangan Israel, dagangan di antara kedua-dua negara berjumlah AS\$300 juta (RM1.14 bilion) tahun lalu. Tidakkah berlaku pertentangan apabila perdagangan boleh dijalankan tetapi bukan perbincangan?

Dr M: Tidak, kami bukan berdagang secara terus dengan Israel. Kami mengeksport banyak produk ke Singapura dan Singapura kemudiannya menjual

barangan itu ke negara lain. Ini turut berlaku apabila kami melarang eksport Malaysia ke Afrika Selatan ketika zaman aparteid, tetapi kami mengeksport ke Singapura atau Rotterdam yang mengeksportnya ke negara lain. Itu di luar kawalan kami. Namun, perangkaan dagangan kami menunjukkan kami tidak menjalin hubungan dagang langsung dengan Israel walau satu dolar pun.

S: Bukankah itu menutup sebelah mata namanya?

Dr M: Kami tidak tahu destinasi terakhir produk berkenaan. Kami menjual berjuta-juta paun getah dan minyak sawit dan sebagainya dan dihantar ke Singapura. Selepas itu, Singapura mengeksportnya semula dan kami tidak bertanya kepada Singapura dan Singapura pula tidak pernah memberi sebarang statistik mengenai negara rakan dagang mereka atau bagaimana mereka melakukannya. Kami tidak mempunyai cara untuk mengetahuinya.

S: Jika seorang ahli perniagaan Malaysia ingin mengeksport barangan ke Israel, bolehkah ia dilakukan secara langsung?

Dr M: Ketika ini, tidak.

S: Apakah peraturannya?

Dr M: Peraturannya ialah kita tidak mempunyai hubungan diplomatik. Kami menganggap Israel bukan negara yang mesra dan kami tidak patut mengurus niaga dengan Israel.

S: Mengenai konflik Timur Tengah, adakah anda mempunyai sebarang cadangan bagi Israel dan Palestin dalam usaha untuk menamatkan konflik?

Dr M: Saya rasa sudah tiba masanya Israel dan Palestin mengakui bahawa ini bukan konflik keagamaan. Ia bukan konflik di antara Islam dan Yahudi atau pengikut Judaisme. Ini adalah masalah perebutan wilayah. Ramai orang Arab tinggal bersama bangsa Yahudi di Palestin manakala bangsa Eropah membuat keputusan bersama Zionis untuk membentuk Israel. Anda bentuk Israel, anda usir rakyat Palestin, anda rampas tanah mereka, ladang mereka, rumah mereka. Mereka hanya mahu mengambil semula apa yang dimiliki sebelum ini. Sama juga halnya di negara lain. Jika anda katakan Texas perlu dikeluarkan dari Amerika dan diberi kepada puak Indian Amerika untuk menetap atau sebagainya, saya yakin Amerika akan mempertahankannya dan sama juga halnya di Malaysia. Anda cuba merampas tanah air kami, kami akan tentang. Begitu juga halnya dengan rakyat Palestin. Mereka mahukan tanah mereka kembali.

S: Apa pandangan anda mengenai tembok yang dibina Israel?

Dr M : Saya tidak kisah kalau anda ingin membina tembok tetapi lakukannya dalam wilayah anda. Kami mempunyai pagar di sempadan Malaysia-Thailand untuk menghalang penyeludupan. Ia dibina di Malaysia. Anda boleh berjalan di luar pagar itu dan tetap berada di Malaysia kerana kami sengaja membinanya dalam negara bagi melindungi negara kami daripada penyeludup. Tidak ada salahnya anda membina pagar asalkan ia dalam wilayah Israel.

S: Apa pandangan anda mengenai pembunuhan Sheikh Ahmad Yassin?

Dr M: Saya rasa ia adalah tindakan keganasan kerana anda membunuh seorang insan sakit dan dalam keadaan tertentu, tidak dapat mempertahankan dirinya. Jika kita terus berperang dan membunuh orang sakit, saya rasa kita kini berada pada tahap amat rendah. Pada masa sama, perlu saya tegaskan bahawa semua peperangan berkait dengan keganasan. Dulu, apabila anda berperang, tentera bersenjata akan menentang tentera bersenjata lain di medan perang. Kini apabila anda mengisytiharkan perang, anda mengebom mangsa tidak berdosa di bandar. Anda serang mereka menggunakan roket. Semua itu adalah tindakan keganasan. Kadang-kadang hospital dan sekolah dibom, kononnya disasarkan untuk musuh. Umumnya, kita adalah pencinta kedamaian. Kita tidak suka peperangan. Kita menganggap semuanya perlu diselesaikan secara rundingan. Ketika ini, sikap saling menuduh kononnya pihak lagi satu melakukan keganasan tidak akan membawa kita ke mana-mana.

Saya suka dengan apa yang dilakukan Rabin. Beliau melakukan usaha yang jujur dan saya rasa Arafat menyambutnya. Namun hari ini, wujud ugutan untuk membunuh pemimpin Palestin... ini menakutkan rakyat. Apabila anda secara terbuka mengakui mahu membunuh pemimpin, saya rasa pengertian peperangan berada pada tahap amat rendah.

S: Israel mendakwa orang sakit itu sebenarnya menghantar pengebom berani mati untuk menyerang orang awam di Israel?

Dr M: Ya, benar. Tetapi kita juga boleh berkata Presiden Bush membenarkan roket dilancar ke arah Baghdad dan membunuh orang awam tidak berdosa dan jika rakyat Iraq boleh membunuh Bush, mereka sebenarnya membunuh orang yang menghantar roket ke negara mereka.

S: Anda masih berhubung dengan Arafat?

Dr M: Saya boleh menghubunginya jika saya mahu. Ada juga saya menelefon beliau tetapi kami sudah jarang berhubung sekarang. Beliau pernah melawat Malaysia. Saya pernah berbincang dengan beliau dan saya rasa beliau berada dalam keadaan terdesak sekarang.

S: Sanggupkah anda ke Israel dan menemui Pihak Berkuasa Palestin untuk menyokong usaha perdamaian dan menyaksikan konflik itu sendiri?

Dr M: Jika ia bakal menghasilkan perkembangan positif, ya. Bagaimanapun, kalau ia sekadar propaganda bagi menunjukkan minat saya, tidak.

S: Adakah anda fikir Malaysia berperanan ke arah usaha damai di Timur Tengah?

Dr M: Ya, kami mempunyai peranan dan itulah sebabnya kami mengadakan persidangan mengenai keganasan dan takrifannya di sini. Malangnya, takrifan kami mengenai keganasan tidak diterima oleh rakyat Palestin dan banyak pihak lain. Bagaimanapun, kami ingin tegaskan bahawa apabila kami menentang keganasan, kami mahu tahu siapa pengganasnya. Kami berminat dalam hal ini kerana ia kini turut menjejaskan kami. Sebelum ini kami tiada kena mengena dengannya tetapi rakyat Malaysia sekarang sudah terpengaruh untuk menggulingkan kerajaan secara keganasan.

S: Apakah mesej anda kepada rakyat Israel?

Dr M: Kami harap rakyat Israel dan bangsa Yahudi sentiasa berada dalam keadaan aman hingga ke akhir hayat. Bagaimanapun, untuk menikmati kedamaian, mereka perlu mengambil berat masalah orang lain dan bukan apa yang berlaku di kalangan mereka. Saya juga berharap mereka menyedari ini bukannya perang keagamaan, ia bukan perang di antara Yahudi dan Islam. Ia adalah perang perebutan wilayah, perang mengenai hak rakyat Palestin di tanah air mereka. Itu saja. Dan saya harap rakyat Israel memiliki sikap timbang rasa dalam hati mereka untuk menyelesaikan konflik ini tanpa keganasan.

S: Adakah anda melihat kemungkinan Malaysia dan Israel mempunyai hubungan diplomatik pada masa akan datang? Jika ya, apakah bidang kerjasamanya?

Dr M: Ia tidak mustahil. Saya rasa jika anda menyelesaikan masalah dengan Palestin dan emosi rakyat dapat dikawal, ada kemungkinan hubungan diplomatik boleh diwujudkan. Malaysia adalah negara perdagangan, dagangan kami adalah dua kali ganda Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kami. Kami sentiasa mencari pasaran dan Israel mempunyai banyak teknologi yang boleh dikongsi.

(END)